

---

## **Membina Minat Kanak-kanak Membaca Kesusasteraan — Satu Pandangan Ringkas**

Ahmad Othman  
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan  
Universiti Sains Malaysia

---

This article attempts to discuss the development of children's reading interest, which through proper selection and guidance can cultivate good reading habits. Parents and teachers should also know how to motivate unmotivated children to read and they must offer the children reading materials dealing with more basic areas of human needs, and in order to motivate fairly interested students, they must expand the tastes of these students into books dealing with Maslow's higher level of human needs. The paper also discusses the influence of factors such as socio-economic, genetic, environment and teaching-learning activities on the reading of the children. The types of books, especially with beautiful pictures, wide themes of real and imaginative world and the level of language suitable for children of various ages, if properly selected and taught may bring the children to closer reading and give them enjoyment and satisfaction.

### **Pengenalan**

Perintah Allah yang mula-mula sekali diterima oleh Nabi Muhammad S.A.W. ialah menyuruh Baginda membaca. Demikianlah amat pentingnya membaca bagi ummat ini. Masyarakat berbudaya membaca tidak wujud dengan tiba-tiba tanpa diadakan perancangan dan pelaksanaan ilmu pengetahuan bagi warganegara tersebut. Perhatian tidak hanya perlu diberikan kepada belia-belia dan orang dewasa untuk mencapai sesuatu matlamat itu. Nilai-nilai murni perlu ditanam sejak anak-anak kecil lagi. Dengan demikian, dalam masyarakat yang berubah pesat, adalah penting bagi seseorang pendidik, ibubapa maupun guru, mengetahui kecenderungan dan pilihan bacaan seseorang kanak-kanak, dalam usaha untuk membina perkembangan emosi, rohani, intelek dan melentur sahsiahnya melalui membaca. Apabila seseorang mula memahami maksud membaca, minatnya terus berkembang, dan melalui membaca karya yang bermutu, dia dapat menambah dan menyasiat pengertian hidup yang lebih luas dan matang.

### **Membaca**

Membaca melibatkan interaksi antara tiga faktor iaitu: (a) bahan bacaan; (b) pengetahuan yang sedia ada pada si pembaca; dan (c) kegiatan-kegiatan fisiologikal dan intelektual; iaitu apa-apa yang dikodkan dalam penglihatan menjadi makna dalam pemikiran pembaca.

Dalam memberi definisi 'membaca', John B. Carroll (1978) menulis,

'Reading is a process of getting meaning, and sometimes sound, from print by converting it (recoding the visual representation) to some inner representation that is analogous to that of spoken language and that is comprehended in essentially the same way that spoken language is comprehended'.

Membaca selanjutnya bolehlah dimaksudkan sebagai satu kegiatan untuk belajar, atau memahami makna melalui tulisan, dan seterusnya memahami diri penulis. Membaca juga



termasuk memahami makna dari sesuatu saranan atau sebab akibat (inference), dan juga memahami angka-angka, peta, gambar, rajah, grafik, atau data-data (Rauch & Weinstein 1968).

Untuk tajuk ini, maksud membaca dibataskan dengan erti yang umum, iaitu memahami makna daripada apa yang ditulis. Otto (1977) mengatakan untuk mendapatkan pengertian dari bacaan, seseorang pembaca, khususnya kanak-kanak, perlu menguasai tahap bahasa yang selaras dengan bahan bacaannya kerana ini merupakan persediaan untuk menterjemah 'makna' daripada bahan bacaan tersebut.

Ada banyak model dalam membicarakan proses membaca. Goodman (1968) mengemukakan satu model yang menyebut bahawa terdapat tiga 'tahap kecekapan' (proficiency). Goodman menekankan bahawa pada tahap kecekapan yang tertinggi pemusatan selalunya keatas makna, dekoding adalah secara 'otomatik', dan bacaan distrukturkan secara lisan. David Rumelhart (1976) mengemukakan satu model dengan menggunakan 'tahap-tahap interaktif' dalam proses bacaan dengan pembaca mendahului 'graphemic input' untuk memandu ke arah pentafsiran makna, atau, sebaliknya pula, seorang pembaca itu 'could assume features and proceed to meaning (hypotheses) first, moving to verification of features and word patterns later'.

Goodman and Goodman (1979) dan Torrey, (1979) mengatakan pertumbuhan melalui pembacaan ialah penggunaan dan penghargaan serta kepuasan dari buku-buku. Akan tetapi kejayaan dalam pembacaan tertakluk pada desakan yang timbul dari diri si pembaca - akibat dari dorongan intrinsik dan bukan ekstrinsik (MacGinitie, 1969, Nurss, 1979, Ken L. Dulin, 1977). Oleh itu matlamat membaca sebenarnya ialah untuk kemajuan dan kesempurnaan diri pembaca itu sendiri. Kanak-kanak, remaja atau orang dewasa, perlu dapat menguasai kemahiran tersebut seimbang dengan keperluan mereka pada setiap peringkat pendidikan dan penghidupan.

Budaya Membaca memberi erti suatu keadaan di mana wujudnya satu masyarakat yang mencapai satu tahap amalan membaca yang meluas. Secara umumnya, ciri-ciri budaya membaca dalam masyarakat tersebut ialah; wujudnya individu-individunya yang menyedari tentang keadaan di sekeliling dan yang mempengaruhinya; individu yang mendapat kepuasan dengan menimba ilmu pengetahuan, mendapat maklumat, penghayatan, dan penghargaan daripada pembacaan; mereka yang menyuara dan melibatkan diri secara aktif dan bertanggungjawab di dalam tindakan terhadap persoalan-persoalan yang dihadapinya.

### **Kesusasteraan Dan 'Sastera Kanak-Kanak'**

Perkataan 'kesusasteraan' berasal dari 'sastera', satu perkataan bahasa Sanskrit yang bermakna 'bahasa yang dicirikan oleh keindahan kata-kata; lisan dan tulisan' (Arbak 1987). Secara umumnya, kesusasteraan itu bermaksud 'hasil seni yang diwujudkan dalam bentuk prosa bebas dan puisi dengan penggunaan bahasa yang indah'.

Kesusasteraan merangkumi bukan sahaja bahan-bahan tulisan, bahkan kesemua bentuk bahasa, syarahan, hikayat, puisi atau lisan yang mempunyai perkataan yang indah. Oleh sebab itu sebutan 'kesusasteraan' adalah sangat susah ditakrifkan tetapi mudah difahami. Kita boleh anggap kesusasteraan sebagai warisan kebudayaan yang bertulis dan juga lisan. Umumnya karyasastera dibataskan kepada hasil yang bersifat kreatif dan imaginatif.



Sesuatu masyarakat yang kebudayaannya simpel mempunyai banyak hasil kesusasteraan dalam bentuk lisan daripada tulisan. Akibat perkembangan teknologi dan 'pemodenan', hasil-hasil kebudayaan masyarakat diperturunkan dalam bentuk tulisan. Contohnya, mitos, penglipurlara, lajenda, cerita kanak-kanak, hikayat dan puisi lebih banyak diperturunkan dalam bentuk tulisan daripada secara lisan. dikatakan bahawa kebudayaan pada masa ini tercatat dalam buku.

Sastera kanak-kanak merangkumi semua jenis penulisan yang berbentuk kreatif dan imaginatif yang dimaksudkan untuk dibaca, dihayati, dan dinilai oleh kanak-kanak. Secara amnya ia meliputi keseluruhan buku yang bermutu dan berfaedah yang ditulis untuk bacaan kanak-kanak (Othman, 1984). Perlu ditambah, bahawa ia termasuk juga tulisan yang lebih umum yang merangkumi buku bergambar tanpa kata, tetapi mempunyai unsur cerita, dan juga dari media elektronik seperti televisyen dan mesin komputer. Maksud kanak-kanak pula dibataskan kepada anak-anak sebelum remaja, sekitar umur tiga hingga dua belas tahun (Huck & Kuhn 1968).

### **Mengkaji Kecenderungan Kanak-kanak Terhadap Pembacaan**

Seseorang pendidik perlu mengetahui tentang minat dan tabiat kanak-kanak, sama ada semasa membaca atau di luar bacaan dengan mendalam, jika dia mahu membimbing mereka membaca dengan berkesan. Kecenderungan membaca adalah akibat daripada kecenderungan umum. Maka dengan demikian, proses pemerangsangan minat membaca melibatkan perkembangan serta pengkayaan minat umum kanak-kanak. Hal-hal ini merangkumi kajian tentang latarbelakang sosial kanak-kanak, kegemarannya, kebudayaannya serta kegiatan yang paling disukainya pada masa lapang (Dallmann, 1974 dan Smith 1978 dan Huck & Kuhn 1968).

Dalam usaha untuk mengembangkan minat si anak terhadap bahan-bahan bacaan, adalah perlu bagi pendidik tersebut menyiasat apakah pilihan buku yang digemari. Seperti mana yang dijangkakan, kanak-kanak lebih tertarik kepada buku-buku yang mengandungi gambar-gambar yang berwarna-warni. Bagaimanapun gambar-gambar itu hanya sebagai 'umpan' awal terhadap isi buku. Jika persoalan dalam gambar itu memancing hatinya, ia akan membaca buku tersebut; jika tidak ia akan tidak menghiraukannya.

Di samping itu juga tema buku kanak-kanak harus menjangkau bukan sahaja alam kehidupan mereka hari-hari, malah ke suatu alam bikinan atau fantasi yang luarbiasa, alam binatang, pari-pari, cerita anak raja dan puteri jelita, cerita seram, cerita sedih dan simpati dan sebagainya. Oleh sebab itu, kita tidak boleh menggunakan piawai orang dewasa untuk menghakimkan samada sesebuah buku akan menarik minat kanak-kanak atau tidak.

Pengalaman pertama kanak-kanak terhadap kesusasteraan ialah melalui pendengaran. Pengalaman-pengalaman yang dinikmati itu akan menjadi sebagai pendorong utama kepada mereka untuk mencari dengan usaha sendiri keseronokan lanjutan dari buku. Dengan demikian sekolah dan masyarakat hendaklah cuba sedaya upaya membekalkan buku-buku yang sesuai bagi setiap masa supaya kanak-kanak tercabar untuk membaca.

Pertumbuhan kanak-kanak melalui pembacaan akan tercapai jikalau mereka berpuas hati dengan keperluan asas mereka, yakni: perasaan terselamat dalam alam sekeliling fizikal,



emosi dan rohani, rasa kepunyaan, keperluan diterima oleh sesuatu kumpulan, keperluan mengetahui, untuk memuaskan rasa ingin tahu, keperluan bermain dan keperluan menikmati keindahan. Desakan yang tidak disedari itu akan mendorong kanak-kanak supaya mencari buku-buku yang dapat memenuhi keperluan mereka semasa mereka berkecimpungan dalam alam pembacaan. Dalam hal ini Ken L. Dulin (1978) menulis,

From the point of view of teachers eager to encourage and motivate wide reading by their students, the implications of these generalizations are clear. In order to get unmotivated students to read, teachers must offer them reading materials dealing with more basic areas of human needs. In order to motivate fairly interested students, teachers must expand the taste of these students into books dealing with Maslow's higher level of human needs'.

### **Hal-Hal Yang Mempengaruhi Perkembangan Minat Dalam Pembacaan**

1. **Kediaman** : Di dalam setengah keluarga, kanak-kanak tidak pernah melihat anggota-anggota keluarga membaca, atau mendengar percakapan perkara-perkara yang seseorang telah baca. Maka kanak-kanak tidak tahu apakah yang dimaksudkan dengan pembacaan atau bagaimana ia menggunakan buku-buku untuk mendapatkan kejayaan peribadi. Dengan kata-kata lain, ibubapa atau anggota dalam keluarga amat mempengaruhi kanak-kanak dalam pembacaan.

2. **Sekolah** : Perhubungan rapat antara guru dengan murid-muridnya, organisasi bilik darjah, kemudahan memperolehi buku dan bahan-bahan bantu mengajar boleh mendorong tabiat membaca. Kebanyakan sekolah di Malaysia mengabaikan perhatian terhadap kanak-kanak secara individu, yang mempunyai latarbelakang dan kebolehan yang berbeza-beza di kalangan rakan sedarjah, terutama dalam kemampuan dan kemahiran membaca. Biasanya organisasi bilik darjah dikelolakan untuk mempersuakan kesenangan pentadbir dan guru-guru semata-mata dari menyumbang sesuatu untuk pembelajaran murid dengan lebih berkesan.

### 3. **Perpustakaan**

Perpustakaan bukan sahaja merupakan 'gedung ilmu' tetapi juga boleh menjadi tempat rekreasi yang berfaedah dengan wujudnya tempat bacaan yang bersesuaian. Pustakawan yang terlatih dapat merancang berbagai aktiviti untuk memperkenalkan buku-buku kepada orang ramai dan kepada kanak-kanak yang mengunjungi perpustakaan; dia juga boleh mengadakan tunjukajar kepada kanak-kanak mengenai penggunaan perpustakaan bertujuan memberi latihan memilih buku dan memupuk semangat ingin membaca.

### 4. **Pengajaran-Pembelajaran**

Pendekatan tertentu dalam pengajaran, alat bantu yang digunakan, perhatian terhadap individu-individu yang berbeza, langkah-langkah yang berurutan, kaedah kumpulan dan seumpamanya, semuanya membantu untuk membina minat dalam membaca dan adalah satu keperluan yang tersendiri.

### **Prinsip-Prinsip Dalam Memperkembangkan Kecenderungan Terhadap Pembacaan Dengan Merujuk kepada Kesusasteraan**

Semakin kanak-kanak maju dalam kebolehan membaca, semakin terdesak dia



memerlukan bimbingan untuk menemui kekayaan kebudayaan yang terkandung dalam buku-buku. Dia memerlukan bantuan untuk mendapatkan buku-buku cereka dan lajenda yang diperturunkan dalam warisan kita atau ditiru dari warisan kebudayaan lain; dia perlu dipandu kepada prosa dan puisi yang menghuraikan sikap dan pengalaman manusia dan gerak balas terhadap alam semesta. Cerita-cerita klasik yang menjadi khazanah kesusasteraan hendaklah dibekalkan kepada kanak-kanak. Di samping itu, dia perlu diberikan bantuan untuk memperolehi maklumat yang lengkap supaya dia membuat pilihan yang tepat dan dapat memperluaskan perhubungan mereka dengan dunia. Pertumbuhan melalui pembacaan adalah satu proses penemuan yang berterusan di mana bimbingan yang berkesan serta simpati daripada ibu-bapa, guru-guru dan pustakawan-pustakawan tidak dapat diabaikan sama sekali (Dallman 1961).

Untuk melaksanakan tugas ini, seseorang guru mestilah menentukan tahap 'persediaan bersastera' dalam setiap fasa atau pelajaran yang dirancang berdasarkan kepada kebolehan linguistik dan kematangan mental seseorang kanak-kanak. Kebolehan berbahasa merupakan kriteria yang utama dalam memilih buku-buku bacaan, semakin tinggi penguasaan bahasa kanak-kanak, semakin luas pilihan buku-buku untuk dibacanya.

Kepentingan memberi perhatian terhadap perbezaan individu telah ditegaskan. Berikut adalah beberapa prinsip pertimbangan yang boleh memandu kita dalam memperluaskan sikap kanak-kanak dalam penghargaan atau apresiasi kesusasteraan:-

Pemilihan yang rapi dengan mewujudkan pelbagai tema yang luas dan mampu memenuhi citarasa kanak-kanak merupakan satu tugas seorang guru atau pustakawan. Dengan demikian dia hendaklah berusaha menyelidiki kesukaan dan selera kanak-kanak tertentu di samping meninjau jenis buku yang ada dalam pasaran atau di perpustakaan. Keupayaan guru menjalankan diagnosa terhadap keperluan kanak-kanak, merancang aktiviti-aktiviti yang sesuai, memilih bahan-bahan yang menyeronokkan serta memberi bimbingan ke arah kemajuan dapat meningkatkan minat membaca kanak-kanak.

Robert Whitehead (1968) menegaskan:.

'Cara bagaimana seseorang pembimbing mendekati pengajaran-pembelajaran kesusasteraan (perasaannya terhadap kanak-kanak, buku-buku kanak-kanak serta pengajarannya) mempunyai pengaruh jangka panjang mengenai sikap sepanjang umur murid-murid terhadap pembacaan. Seseorang guru yang cuba memahami, menghargai nilai-nilai yang didapati dalam buku-buku dan cerita-cerita kanak-kanak, mengambil berat atas kesejahteraan dan pendidikan murid-muridnya serta sanggup membekalkan suatu program kesusasteraan yang menarik dan berguna, akan dapat membangkitkan kecenderungan kanak-kanak terhadap pembacaan buku-buku kesusasteraan. Hasilnya ialah satu tabiat pembacaan yang baik bagi sepanjang hidup. Guru merupakan pengaruh yang paling berkesan terhadap sikap kanak-kanak... Murid-murid yang mempunyai guru sebegini adalah sangat bertuah. Guru tersebutlah yang dapat merangsangkan murid-murid supaya menghargai dengan sepenuhnya warisan kesusasteraan mereka'.

Program kesusasteraan haruslah merupakan satu program yang seimbang. Program tersebut mesti mengandungi pelbagai tema dan perkara yang menarik; berjenis-jenis bahan sastera, puisi dan prosa baik yang nyata atau pun khayalan. Tertakluk kepada sekatan-sekatan bahasa, pilihan buku mesti dipertimbangkan dari segi relevan dan kesesuaian dengan kebolehan



kanak-kanak dan bukan kerana secara paksaan.

Untuk mendorongkan kanak-kanak menghargai pembacaan sebagai satu sumber pengkayaan bahasanya, yakni supaya dia dapat 'menyuburkan' sifat-sifat sastera, merasa gembira tentang perihal peristiwa pujangga terhadap bahan-bahan yang dicetak, para pendidik perlulah berusaha sehingga kanak-kanak berupaya memahami makna yang cuba disampaikan oleh pengarang; dia mesti mampu membuat penghargaan, boleh membuat pemilihan jika terdapat perbezaan yang halus tentang bahasa dan makna bagi tajuk-tajuk kecil, dia juga berupaya membuat dugaan semasa membaca serta berkeupayaan membayangkan segala-gala yang dibaca, dia harus mampu memahami, menganalisis serta menilai ide-ide pengarang dan seterusnya menciptakan ide-ide baru dengan menggabungkan kepuasaan, kehampaan, kegembiraan atau reaksi perseorangan, pengalaman pembacaan yang tertentu.

Dengan kata-kata lain semasa menilai kecenderungan kanak-kanak terhadap bahan bacaan, perhatian ditumpukan kepada kesukaan dan reaksi kanak-kanak dan bukan tanggapan si anak ke atas buku pilihan ibu bapa atau guru yang menganggapnya sebagai berfaedah.

Tujuan diadakan program kesusasteraan ialah untuk memperkembangkan kecenderungan dalam pembacaan yang berkekekalan dan menguntungkan supaya dengan mempergunakan keupayaan individu dalam pembacaan sepenuh-penuhnya akan mendatangkan pengaruh yang paling berkesan terhadap kebudayaannya.

Untuk menambahkan kecenderungan dan kesukaan kanak-kanak terhadap pembacaan, dia mesti bermula dari peringkat yang sedia ada tanpa mengira sama ada kecenderungan mereka matang atau tidak. Adalah tidak munasabah jika hendak dimajukan citarasa kanak-kanak dari cerita-cerita kanak-kanak ke lajenda-lajenda klasik yang terlalu tinggi. Kemajuan peringkat demi peringkat adalah tertakluk kepada kepekaan kanak-kanak sendiri dan suasana sekeliling.

Berbagai aktiviti boleh diadakan di dalam bilik darjah seperti perpustakaan bilik darjah, pameran buku, kuiz, peraduan bercerita dan membaca, syarahan dan berpidato, tayangan filem, ceramah, lakonan dan simulasi, perbincangan buku dan akhbar dalam bilik darjah yang boleh mendorongkan minat kanak-kanak dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Suatu suasana yang mendorongkan harus disediakan untuk pembacaan. Suasana tersebut akan menggalakkan pembacaan serta membolehkan mereka memperoleh ilmu pengetahuan yang berfaedah. Galakkan mereka dengan kata-kata pujian atau carta-carta yang menunjukkan kemajuan mereka, dan lain-lain bentuk dorongan yang mempunyai pengaruh yang besar terhadap perkembangan pembacaan kanak-kanak.

## **Penutup**

Konsep membaca, khususnya karyasastera kanak-kanak, yang dibicarakan telah membawa kita kepada satu interpretasi yang lebih luas dalam pendidikan bahasa di sekolah. Pada masa dahulu, kita anggap kita mesti mengajar seseorang kanak-kanak bagaimana membaca dahulu sebelum mengajar dia menghargai kesusasteraan. Akan tetapi, kini perlulah diinsafi bahawa kesusasteraan dan pembacaan tidak boleh dipisahkan. Kesusasteraan yang terkandung di dalam setiap matapelajaran boleh menembusi pemikiran pembaca-pembaca yang muda dan mempengaruhi nilai-nilai mereka. Dengan kata-kata lain, kesusasteraan meliputi dan merangkumi kehidupan pembaca-pembaca dan membentuk cara berfikir mereka. Setakat yang mampu, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab para pendidik untuk

menjadikan kanak-kanak mendapat manfaat melalui kesusasteraan. Oleh yang demikian perhatian dan bimbingan terhadap diri kanak-kanak dalam pemilihan dan kecenderungan tidak harus diabaikan. Jika mereka didedahkan dengan buku-buku yang sesuai, maka akan lahiriah golongan masyarakat budaya membaca dan individu manusia yang berakhlak mulia dan mempunyai nilai-nilai murni, unggul dan boleh bertindak dengan waras dan benar.

### Rujukan

- Adams, M.J., & Collins, A.M. A Schema Theoretic View of Reading. In R.O. Freedle (Ed.), *New Directions in Discourse Processing (Vol. 2)*. Ablex, Norwood, N.J., 1979.
- Arbak Othman, *Kamus Pelajar Baru*, Penerbit Fajar Bakti, Jaya, 1987.
- Arbuthnot, May Hill, and Others, *The Arbuthnot Anthology of Children Literature*, 3rd. Ed., Scott, Foresman and Company, Illinois, 1971.
- \_\_\_\_\_ *Children and Books*, Scott, Foresman and Company, Illinois, 1972.
- Artley, A., & Hardin, V. *Reading Teacher*, 1976.
- Chall, J.S. *Stages of Reading Development*, McGraw-Hill, New York, 1982.
- Dallmann, Martha and Others, *The Teaching of Reading*, 4th. Edition, Holt, Rinehart and Winston, Inc., New York :1974.
- Goodman, K.S., & Goodman, Y. Learning to Read is Natural. In L.B. Resnik & P.A. Weaver (Eds.), *Theory and Practice of Early Reading (Vol. 1)*, Lawrence Erlbaum Associates, Hillsdale, N.J. 1979.
- Huck, Charlotte S., and Kuhn, Doris Young, *Children's Literature in the Elementary School*, Holt, Rinehart and Winston, Inc., New York 1968.
- Ken L. Dulin, 'Reading and the Affective Domain'. In Susaan Pflaum-Connor, (Ed.), *Aspects of Reading Education*, McCutchan Publishing Corp., Berkeley, 1978.
- MacGinitie, W. H. Evaluating Readiness for Learning to Read: A critical review and evaluation of research, *Reading Research Quarterly*, 4, 1969.
- Nelson, K., Semantic Development and the Development of Semantic Memory. In K.E. Nelson (Ed.), *Children's Language (Vol.1)*, Gardner Press, New York, 1978.
- Nor Aziah Hamid, *Kritikan Sastera Kanak-kanak*, Konvensyen Sastera Kanak-kanak, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989.
- Nurss, J.R. Assesment of Readiness. In T. G. Waller & G.E. Mackinnon (Eds.), *Reading Research: Advances in Theory and Practice (Vol.1)*. Academic Press, New York, 1979.
- Othman Putih, Sekitar Sastera Kanak-kanak dan Remaja' dalam *Dewan Sastera*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984. Kuala Lumpur 1984.



- Otto, W. Design for Developing Comprehension Skills. In J.T. Guthrie (Ed.) *Cognition, Curriculum, and Comprehension* International Reading Association, Newark, Del., 1972.
- Rauch, Sidney J and Weinstein, Alfred B., *Mastering Reading Skills*, V. Van Nostrand Company, New York, 1968.
- Rollins, Charlemae., *We Build Together*, American Federation of Teachers, AFL-CIO, Chicago, 1967.
- Rumelhart, D.E. Understanding and Summarizing Brief Stories, In. D. LaBerge & S.J. Samuels (Eds.), *Basic Processes in Reading: Perception and Comprehension*, Lawrence Erlbaum Associates, Hillsdale, N. J. 1977.
- Russell, David., 'Personal Values In Reading', *The Reading Teacher*, Vol. 15, Dec. 1961.
- Sloan, Davis Sloan, *The Child As Critic: Teaching Literature in the Elementary School*, Teachers College Press, New York, 1975.
- Smith, . *Reading and Nonsense*, Teachers College Press, New York, 1978.
- Staiger, Ralph C., *Roads To Readings*, UNESCO, Paris, 1979.
- \_\_\_\_\_ (Ed.) *The Teaching of Reading*, International Reading Association on behalf of UNESCO, Paris, 1973.
- The American Council on Education, *Reading Ladders for Human Relations*, N.W., Washington, D.C. 1966.
- Torrey, J.W. Reading that Comes Naturally: The Early Reader, In T.G. Waller & G.E. MacKinnon (Eds.), *Reading Research: Advances in Theory and Practice (Vol.1)* , Academic Press, New York, 1979.
- Whitehead, Robert., *Children's Literature: Strat Whitehead, Robert., Children's Literature: Strategies of Teaching*, Prentice-Hall, Eaglewood Cliffs, N. J. 1968.
- Zaccria, Joseph S. and Moses, Harold A., *Facilitating Human Development Through Reading*, Stripes Publishing Company, Illinois, 1968.